



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

TEKS KHUTBAH KHAS GERHANA BULAN

Tajuk :

PERINGATAN DARI PERISTIWA GERHANA

Tarikh Dibaca :

**29 RAMADAN 1444H/
20 APRIL 2023M**

Disediakan oleh :

Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Pulau Pinang



**KHUTBAH KHAS GERHANA MATAHARI
PERINGATAN DARI PERISTIWA GERHANA
29 RAMADAN 1444H / 20 APRIL 2023**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَاخْتِلَافَ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ آيَاتٍ لِأُولِي
الْأَلْبَابِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، شَهَادَةً مَن هُوَ خَيْرٌ مَّقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا.
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُتَّصِفُ بِالْمَكَارِمِ صَبِيًّا وَكَبِيرًا.
اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَانَ صَادِقَ الْوَعْدِ وَكَانَ رَسُولًا نَبِيًّا، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ الَّذِينَ يُحْسِنُونَ إِسْلَامَهُمْ وَلَمْ يَفْعَلُوا شَيْئًا فَرِيًّا،
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْحَاضِرُونَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَمِنَ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا
لِلْقَمَرِ وَأَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾ سورة فصله

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** dan seluruh ahli



keluarga Baginda serta sahabat-sahabat Baginda yang sama-sama berjuang menegakkan Islam.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya matahari dan bulan merupakan dua daripada bukti dari tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Kedua-dua ini termasuk juga antara makhluk dari makhluk-makhluk-Nya yang taat dan patuh melaksanakan peranan masing-masing. Kedua-duanya menzahirkan dengan jelas sinar cahayanya dan boleh pula tertutup – dengan peristiwa gerhana - dengan perintah dan rahmat Allah **سُبْحَانَہُ وَتَعَالَى**. Allah **سُبْحَانَہُ وَتَعَالَى** menjadikan sesuatu peristiwa itu dengan kehendak dan ketentuan-Nya sebagai bentuk peringatan kepada hamba-hamba-Nya agar manusia bersegera untuk bertaubat dan melaksanakan segala kewajipan serta menjauhi segala larangan yang telah ditetapkan oleh-Nya.

Kebanyakan manusia pada ketika ini memandang remeh tentang peristiwa gerhana ini, dan tidak mengambil sedikit pun pengajaran, peringatan dan hikmah yang terkandung padanya. Sebahagian manusia hanya memandang peristiwa gerhana ini hanya sekadar peristiwa biasa yang berlaku pada alam ini tanpa memandang kepada peringatan tentang kekuasaan Allah **سُبْحَانَہُ وَتَعَالَى**. Bahkan jika dilihat pada sirah terdahulu, manusia menganggap peristiwa gerhana sebegini berkaitan dengan nasib malang atau kematian seseorang.

Sirah tidak terlepas dari merekodkan peristiwa gerhana yang berlaku yang mana kisah mengenainya terdapat dalam beberapa hadis yang



bertaraf sahih. Imam Muslim رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ merekodkan peristiwa ini dalam kitab Sahihnya, sebuah hadis dari Abu Musa رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ yang mana beliau berkata:

“Telah berlaku gerhana matahari pada zaman Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . Lalu Baginda bangun dalam keadaan takut akan berlakunya hari Kiamat sehingga Baginda tiba di masjid. Lalu Baginda mendirikan solat yang paling panjang berdirinya, ruku'nya dan sujudnya yang pernah aku lihat Baginda lakukan ketika dalam solat. Kemudian Baginda berkata: Sesungguhnya ini merupakan tanda-tanda yang Allah hantar. Ia tidaklah berlaku kerana kematian atau kehidupan seseorang. Akan tetapi Allah menghantarnya untuk menimbulkan rasa takut pada hamba-Nya. Apabila kamu lihat ia berlaku, segeralah mencari perlindungan dengan mengingati Allah, berdoa kepada-Nya dan memohon keampunan-Nya”. (Hadis riwayat Imam Muslim)

Imam Nawawi رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ ketika mensyarahkan hadis ini menyatakan bahawa gerhana berlaku bukanlah sebagai tanda hari akan kiamat, kerana tanda-tanda kiamat yang lain telah diketahui melalui hadis-hadis lain yang sahih seperti terbitnya matahari dari sebelah barat, keluarnya *al-Daabbah* dan juga dajjal. Namun, banggunya Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ dalam keadaan takut dan mengerjakan solat yang panjang bacaan dan ruku'nya itu kerana takut ia adalah hukuman yang Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى turunkan sepertimana yang berlaku ketika bertiupnya angin dan jelas nampak di wajah Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ yang Baginda tidak menyukainya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,



Pensyariatatan solat sunat gerhana berlaku pada tahun kedua selepas hijrah bertepatan ketika meninggalnya Ibrahim, putera Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Ketika zaman jahiliyyah, gerhana matahari ataupun bulan dikaitkan dengan kepercayaan khurafat yang percaya kematian seseorang ada kaitannya dengan gerhana. Inilah yang dipercayai oleh golongan jahiliyyah ketika meninggalnya putera Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, Ibrahim disebabkan oleh gerhana.

Asal pensyariatannya berdasarkan firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dari Surah Fussilat ayat 37 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betullah kamu hanya beribadat kepada Allah”.

Berdasarkan ayat ini jelas menunjukkan larangan kepada manusia untuk sujud kepada matahari dan bulan dan sebaliknya memerintahkan manusia untuk sujud kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ sebagai penciptanya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Imam Muslim meriwayatkan dalam sebuah hadis bahawa Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ berkhotbah setelah selesai mendirikan solat sunat ketika



terjadinya peristiwa gerhana pada zaman Baginda. Nabi ﷺ bersabda:

“Wahai manusia! Matahari dan bulan hanyalah dua tanda dari tanda-tanda kebesaran Allah, dan sesungguhnya keduanya tidak ditutupi (terjadi gerhana) disebabkan kematian seseorang dari manusia”. -Abu Bakar mengatakan: “Kerana kematian seseorang”-. Dan apabila kamu melihat sedikit akan hal tersebut maka kerjakanlah solat hingga sinarnya menjadi kembali terang. Tidak ada suatu perkara pun yang telah Allah janjikan ke atas kamu melainkan sungguh, aku telah melihatnya dalam solatku ini. Telah dinampakkan padaku neraka, itulah tatkala kamu melihat diriku mundur sedikit ke belakang, disebabkan aku berasa takut sambaran apinya menimpaku. Hingga aku dapat melihat di dalam neraka tersebut seseorang yang memegang tongkat dengan ususnya yang terburai. Disebabkan oleh dirinya mencuri para jemaah haji dengan tongkatnya tersebut. Apabila dirinya ingat dia memegang pada tongkatnya, jika lupa maka dia berjalan sambil membawanya. Demikian pula aku melihat wanita pemilik kucing yang (dahulu ketika di dunia) mengikat dan tidak memberi makan sedikit pun. Wanita tersebut tidak melepaskannya, sehingga kucing tersebut memakan serangga tanah, hingga akhirnya mati. Kemudian diperlihatkan padaku syurga, iaitu tatkala kamu melihatku maju sedikit ke hadapan hingga aku tetap di tempatku berdiri tadi, sambil aku bentangkan kedua tanganku, kerana aku ingin mengambil buah-buahannya untuk aku perlihatkan kepada kamu, akan tetapi, kemudian aku sedar supaya tidak melakukan hal tersebut. Tidaklah ada suatu perkara pun yang telah dijanjikan oleh Allah ke atas kamu melainkan aku telah melihatnya dalam solatku tadi”. (Hadis riwayat Imam Muslim)

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Mengakhiri khutbah, khatib ingin merumuskan khutbah ini dengan beberapa kesimpulan;

Pertama: Peristiwa gerhana perlu dilihat sebagai salah satu bentuk peringatan tentang kekuasaan dan keagungan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang berkehendak terhadap setiap sesuatu.

Kedua: Ketika berlakunya gerhana, Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bangun dalam keadaan takut dan bimbang akan berlakunya hari kiamat lantas Baginda mendirikan solat sunat yang panjang *qiamnya*, ruku'nya dan sujudnya.

Ketiga: Apabila berlakunya gerhana, kita dianjurkan untuk sentiasa bertaubat, melazimi zikir, menunaikan solat yang wajib dan memperbanyakkan solat sunat, memelihara hubungan sesama manusia dan haiwan, serta memperbanyakkan bersedekah kerana inilah pesanan yang telah diperingatkan oleh Baginda Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ**.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam Surah al-Israa' ayat 44:

سَنُرِيهِمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ

عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥١﴾

Maksudnya: “Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka



kebenaran itu dan belumlah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua Bulan April

2023M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
 وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِحُجَّتِهِ،
 وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
 صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
 وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،
 ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا حَكِيمًا:
 إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ
 يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Dalam kesempatan ini, mimbar ingin menyeru agar sama-sama kita menjadikan keselamatan diri, keluarga dan pengguna jalan raya yang lain sebagai keutamaan di sepanjang musim perayaan terutamanya pada perayaan Aidilfitri.

Muslimin dan muslimat juga diingatkan agar tidak melakukan tujuh kesalahan utama lalu lintas iaitu memotong barisan, memotong di garisan berkembar, tidak mematuhi isyarat lampu merah, memandu melebihi had laju, menggunakan telefon bimbit semasa memandu, tidak memakai tali pinggang atau topi keledar dan memandu di lorong kecemasan.



Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* melarang para hamba-Nya yang beriman daripada melakukan apa sahaja perbuatan yang boleh membinasakan diri sendiri, sepertimana Allah berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan; dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفَّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْعَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Semoga sumbangan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan, menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٦﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾